

**PANDUAN PERMOHONAN UNTUK PENYEDIA PROGRAM PEMBANGUNAN BERTERUSAN (*CONTINUOUS DEVELOPMENT PROGRAMME - CDP*)**

**BAGI ORANG BERKELAYAKAN (*QUALIFIED PERSONS - GRID-CONNECTED PHOTOVOLTAIC (GCPV) SYSTEMS DESIGNERS*)**

**OLEH PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI MALAYSIA (SEDA MALAYSIA)**

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Panduan ini menerangkan tentang proses permohonan dan syarat-syarat untuk penyedia Program Pembangunan Berterusan (*Continuous Development Programme – CDP*) bagi Orang Berkelayakan (*Qualified Persons QPs – GCPV System Designers*) bagi yang telah menjalani dan lulus kursus latihan *Grid-Connected Photovoltaic (GCPV) Systems Design* yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA MALAYSIA).
- 1.2 Keperluan program CDP ini adalah supaya QPs dapat mengekal dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka sebagai orang yang berkelayakan untuk merekabentuk sistem solar PV tersambung grid secara berterusan. Program yang dijalankan secara tahunan ini merupakan salah satu platform kepada QPs bertukar pendapat dan mendapatkan perkembangan terkini berkaitan teknologi solar PV.
- 1.3 QPs diwajibkan untuk menghadiri program CDP ini sekurang-kurangnya lapan (8) jam berturutan untuk membolehkan mereka aktif sebagai QPs – GCPV System Designers dan mempraktikkan kompetensi mereka.

**2.0 JENIS PROGRAM**

- 2.1 Program-program yang boleh dipertimbangkan sebagai CDP adalah seperti berikut dan topik mestilah berkaitan dengan **solar PV sahaja**:
  - 2.1.1 Kursus atau latihan;
  - 2.1.2 Persidangan atau seminar;
  - 2.1.3 Bengkel; dan
  - 2.1.4 Sesi pembentangan kertas kerja berkenaan teknologi solar PV.
- 2.2 Program yang layak dijalankan sebagai CDP mesti mendapat kelulusan SEDA Malaysia terlebih dahulu.

**3.0 TEMPOH MASA PROGRAM**

- 3.1 Tempoh masa program CDP ialah sekurang-kurangnya lapan (8) jam (termasuk tempoh rehat/makan/minum).

**4.0 PERMOHONAN DAN PENILAIAN**

- 4.1 Permohonan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang permohonan yang disediakan oleh SEDA Malaysia.
- 4.2 Penilaian untuk program CDP ialah berdasarkan permohonan yang dikemukakan dan SEDA Malaysia berhak menentukan sama ada ia berkaitan dengan solar PV atau tidak.

## **5.0 MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA PENYEDIA PROGRAM**

- 5.1 Penyedia program dikehendaki mengemukakan dokumen yang berkenaan dengan program dianjurkan yang merangkumi perkara-perkara berikut:
  - 5.1.1 Tajuk program;
  - 5.1.2 Tarikh dan tempat;
  - 5.1.3 Jadual aturcara lengkap program;
  - 5.1.4 Kandungan keseluruhan program atau modul lengkap;
  - 5.1.5 Bahan rujukan yang disediakan untuk peserta;
  - 5.1.6 Senarai tenaga pengajar/pembentang bersama biodata dan maklumat; berkenaan kelayakan, pengalaman dan bidang kepakaran setiap pengajar/pembentang;
  - 5.1.7 Cadangan brosur atau sebarang bahan berkenaan program yang akan disediakan oleh penyedia program; dan
  - 5.1.8 Profil organisasi pemohon.

## **6.0 TEMPOH SAH PENGIKTIRAFAN**

- 6.1 Permohonan yang diluluskan akan dimaklumkan oleh SEDA Malaysia secara bertulis. Kelulusan yang diberi adalah tertakluk kepada satu (1) program yang dipohon sahaja. Penyedia program perlu mengemukakan permohonan baharu untuk program yang berlainan.

## **7.0 MAKLUMAT PESERTA**

- 7.1 Maklumat senarai peserta yang hadir hendaklah dikemukakan kepada SEDA Malaysia dalam masa satu (1) minggu selepas sesi program selesai dijalankan.

## **8.0 PENGESAHAN KEHADIRAN ATAU PENGLIBATAN BAGI QPs**

- 8.1 Penyedia program dikehendaki mengesahkan peserta bagi setiap aktiviti pengisian yang terdapat di dalam program berkenaan dalam bentuk sijil penyertaan atau apa-apa pengesahan secara bertulis daripada penyedia program.

## **9.0 SYARAT-SYARAT PENGIKTIRAFAN**

- 9.1 Pengiktirafan diberikan kepada penyedia program tidak boleh dipindah milik dan tidak dibenarkan melantik atau dijalankan sebahagian atau keseluruhan program tersebut oleh mana-mana orang perseorangan atau syarikat/institusi bagi pihak pemegang surat pengiktirafan.
- 9.2 SEDA Malaysia berhak membuat keputusan muktamad tentang pengiktirafan yang telah diberikan sekiranya terdapat ketidakpatuhan terhadap klausa 9.1 yang telah diberikan setelah berpuas hati dengan hasil siasatan yang dijalankan dan penjelasan daripada penyedia program.

- 9.3 SEDA Malaysia berhak mengkaji semula, mengenakan, meminda, menambah atau membatalkan mana-mana syarat dan akan memberitahu dari semasa ke semasa.

#### **10.0 PEMANTAUAN PENGENDALIAN PROGRAM**

- 10.1 SEDA Malaysia berhak untuk menjalankan pemantauan aktiviti yang dijalankan bagi setiap program yang dilaksanakan untuk memastikan ia dijalankan berdasarkan syarat-syarat pengiktirafan yang telah ditetapkan.
- 10.2 Pemantauan program akan dijalankan pada bila-bila masa oleh SEDA Malaysia tanpa pemberitahuan lebih awal kepada pengendali program berdasarkan jadual program yang telah dihantar kepada SEDA Malaysia sebelum ia dijalankan.

#### **11.0 PENGGUNAAN NAMA DAN LOGO SEDA MALAYSIA**


- 11.1 Logo SEDA Malaysia tidak boleh digunakan untuk sebarang bahan yang dicetak atau dalam bentuk elektronik, aktiviti promosi/makluman awam yang dijalankan oleh penyedia program tanpa kebenaran dari SEDA Malaysia.
- 11.2 Penyedia program perlu mengemukakan surat permohonan rasmi kepada SEDA Malaysia bagi tujuan permohonan penggunaan logo tersebut. Penyedia program hanya boleh menggunakan logo SEDA Malaysia setelah mendapat kebenaran bertulis dari SEDA Malaysia.
- 11.3 Surat kebenaran penggunaan logo SEDA Malaysia yang dikeluarkan adalah untuk program CDP yang dipohon sahaja. Penyedia program perlu mengemukakan permohonan yang baharu untuk program yang berlainan.

#### **12.0 CARA MEMOHON**

- 12.1 Permohonan boleh dikemukakan kepada SEDA Malaysia dengan menghantar borang seperti di Lampiran A dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang berkenaan.
- 12.2 Prosedur dalam proses permohonan untuk pengiktirafan penyedia program adalah seperti ditunjukkan di dalam carta alir di bawah.

**CARTA ALIR: PROSES PERMOHONAN UNTUK PENYEDIA PROGRAM PEMBANGUNAN BERTERUSAN  
(CONTINUOUS DEVELOPMENT PROGRAMME - CDP)**

**BAGI ORANG BERKELAYAKAN (QUALIFIED PERSONS - GRID-CONNECTED PHOTOVOLTAIC (GCPV)  
SYSTEMS DESIGNERS)**



## **LAMPIRAN A**



## Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia)

Galeria PjH, Aras 9, Jalan P4B, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  
T: +603 - 8870 5800 F: +603 - 8870 5900 E: info@seda.gov.my

### BORANG PERMOHONAN UNTUK PENYEDIA PROGRAM PEMBANGUNAN BERTERUSAN (*CONTINUOUS DEVELOPMENT PROGRAMME - CDP*) BAGI ORANG BERKELAYAKAN (*QUALIFIED PERSONS - GRID-CONNECTED PHOTOVOLTAIC (GCPV) SYSTEMS DESIGNERS*)

1. Sila isikan maklumat dengan jelas dan lengkap

#### Maklumat Organisasi

Jenis organisasi:

- Institusi Awam (kerajaan/separa kerajaan)
- Persatuan industri/profesional
- Syarikat swasta yang berasaskan keuntungan
- Lain-lain (sila nyatakan)

Nama Organisasi: \_\_\_\_\_

No. Pendaftaran: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Poskod: \_\_\_\_\_ Bandar: \_\_\_\_\_

Negeri: \_\_\_\_\_

No Telefon: \_\_\_\_\_ No. Faks: \_\_\_\_\_

Nama Pegawai yang Boleh Dihubungi: \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Laman Web: \_\_\_\_\_

#### Maklumat Program

Tajuk Program: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tempat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Poskod: \_\_\_\_\_

Negeri: \_\_\_\_\_ Yuran yang dikenakan (RM): \_\_\_\_\_



## Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia)

Galeria PJH, Aras 9, Jalan P4B, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya  
T : +603 - 8870 5800 F : +603 - 8870 5900 E : info@seda.gov.my

Sila kemukakan salinan *softcopy* (email kepada [pvtraining@seda.gov.my](mailto:pvtraining@seda.gov.my)) bagi item-item berikut:

- Jadual aturcara lengkap program;
- Kandungan keseluruhan program atau modul lengkap;
- Bahan rujukan yang disediakan untuk peserta;
- Senarai tenaga pengajar/pembentang bersama biodata dan maklumat; berkenaan kelayakan, pengalaman dan bidang kepakaran setiap pengajar/pembentang;
- Cadangan brosur atau sebarang bahan berkenaan program yang akan disediakan oleh penyedia program
- Profil organisasi pemohon

### Pengakuan Pemohon

Saya mengaku bahawa kenyataan diberikan di dalam borang ini dan dokumen yang disertakan adalah benar seperti yang dikehendaki dan SEDA Malaysia berhak menolak permohonan ini jika didapati keterangan dan dokumen yang diberikan adalah tidak lengkap, tidak benar, palsu atau tidak disertakan butir-butir yang dikehendaki.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

Jawatan: \_\_\_\_\_

Cop Organisasi:

### Untuk kegunaan SEDA Malaysia

Keputusan:

- Diluluskan                       Tidak diluluskan

Nota: \_\_\_\_\_

Tandatangan:

Nama:

Tarikh: